

PERBEZAAN TEKS-TEKS <sup>C</sup>ADAT TEMENGGONG

O

L

E

H

ASIAH BINTI TAHARIP/

O

O

O

O

JABATAN SYARIAH  
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI

O

O

O

O

SESI 81 / 82.

Daripada abad ke 16 dan seterusnya penghijrahan daripada Minangkabau (Sumatera Barat) itu begitu meluas ke daerah-daerah yang umum iaitu di Negeri Sembilan sekarang.<sup>1</sup>

Masyarakat tempatan telah menyambut baik kehadiran mereka ini.

Perbilangan adat menyebutkan :

Gagak hitam gagak senoi

Turun dari bukit berkaki empat


Gagak putih gagak dari laut

Berkepak sayap.<sup>2</sup>

Ini adalah menggambarkan penduduk tempatan sebagai gagak hitam dan peneroka-peneroka sebagai gagak putih yang datang dengan perahu layar. Mereka ini mempunyai kehidupan yang lebih istimewa dari yang menanti.

Mereka ini telah membuka kampung-kampung dan memberikan nama menurut tempat asal mereka di Minangkabau yang disebut

## PENGHARGAAN



Segala pujian bagi Allah s.w.t. dan selawat ke atas Rasulullah s.a.w. serta ahli keluarganya. Dengan ini saya mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t. kerana hidayat dan pertunjuk yang diberikan, Latihan Ilmiah ini telah dapat disiapkan walaupun terdapat beberapa kekurangan.

Latihan Ilmiah ini telah disiapkan dengan bimbingan dan nasihat Ustaz Abd. Monir Hj. Yaakob salah seorang pensyarah di Jabatan Syariah Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Di atas kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau ini saya merakamkan rasa terima kasih kepada beliau.

Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada semua pensyarah-pensyarah yang terlibat mencurah-

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini dibuat adalah bagi memenuhi syarat-syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian bagi Sesi 81/82. Latihan ini bertajuk " PERBEZAAN-PERBEZAAN TEKS-TEKS <sup>C</sup>ADAT TEMENGGONG".

<sup>C</sup>Adat Temenggong adalah merupakan undang-undang yang tidak bertulis dan juga merupakan <sup>C</sup>adat yang terkenal di Tanah Melayu selain daripada <sup>C</sup>Adat Perpatih.

Tujuan Latihan Ilmiah ini adalah untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi mengenai dengan perbezaan-perbezaan yang terdapat di dalam teks-teks <sup>C</sup>Adat Temenggong. Ini disebabkan <sup>C</sup>Adat Temenggong mempunyai banyak kumpulan teks umpamanya teks Undang-undang Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dan Undang-undang Minangkabau dari Perak.



Latihan Ilmiah ini mengandung empat bab.

Bahagian pendahuluan adalah dimaksudkan untuk menerangkan pengenalan <sup>C</sup>Adat Temenggong iaitu dari segi sejarahnya, asalnya, pengasasnya, istilahnya dan pengaruhnya. Bab Pertama pula menerangkan tentang kumpulan <sup>C</sup>Adat Temenggong yang bermaksud untuk mengetahui apakah teks-teks <sup>C</sup>Adat Temenggong itu. Bab Kedua adalah merupakan tujuan utama latihan ini iaitu mengkaji perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam teks-teks <sup>C</sup>Adat Temenggong. Bab Ketiga membicarakan tentang sistem hukum <sup>C</sup>Adat Temenggong secara umum iaitu dari segi perkahwinan dan perceraian. Manakala bab keempat pula menerangkan tentang sistem pembahagian harta dan perwarisan. Pada bab penutup yang pendek itu diberikan satu rumusan dan analisa mengenai dengan tesis yang diikuti oleh beberapa pengesyoran untuk implikasi-implikasi selanjutnya.

Dengan adanya kajian ini maka diharapkan kita memahami dan mengetahui apa-apakah undang-undang <sup>C</sup>adat yang terdapat di negara kita yang sekarang ini tidak berapa dititik beratkan sangat, walaupun tidak dapat dinafikan masih ada lagi yang berpegang kuat pada <sup>C</sup>adat terutama <sup>C</sup>Adat Perpatih.

## SINGKATAN KATA

|            |                                                               |
|------------|---------------------------------------------------------------|
| F.M.S.L.R. | - Federal Malay States Law Report.                            |
| JMBRAS     | - Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society. |
| JIAEA      | - Journal of the Indian Archipelago & East Asia.              |
| JRAS       | - Journal of the Royal Asiatic Society.                       |
| Ms.        | - Manuskrip.                                                  |
| Mss.       | - Manuskrip-manuskrip.                                        |
| M.L.J.     | - Malay Law Journal.                                          |
| MBRAS.     | - The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society .         |
| MSRI.      | - Malaysian Sociological Research Institute.                  |
| UK.        | - Undang-undang Kedah.                                        |
| UM.        | - Undang-undang Melaka.                                       |
| U.Mn.      | - Undang-undang Minangkabau dari Perak.                       |
| UP.        | - Undang-undang Pahang.                                       |
| U.99.      | - Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak.                |

## PENDAHULUAN:

Struktur sosial masyarakat Melayu lama adalah mula-mulanya berdasarkan kepada <sup>C</sup>adat, kerana <sup>C</sup>adat itu dianggap sebagai satu cara hidup yang " natural " dan mempunyai kuasa mengikat untuk mengatur satu-satu masyarakat. Kekuatan kuasa <sup>C</sup>adat yang mereka amalkan ini dapat disimpulkan dari kata <sup>C</sup>adat :-

" Biar mati anak,  
Asalkan jangan mati <sup>C</sup>adat,  
Tak lapuk dek hujan,  
Tak lekang dek panas. " I

Di Tanah Melayu terdapat dua bentuk <sup>C</sup>adat yang terkenal iaitu <sup>C</sup>Adat Perpatih dan <sup>C</sup>Adat Temenggong. Menurut R.O.Winstedt, <sup>C</sup>Adat Perpatih itu adalah sebagai " Undang-undang Perdana Menteri " yang

---

<sup>I</sup>Ahmad bin Mohd. Ibrahim, "Islam Customary Law Malaysia" dalam Intisari, Vol.II, No. 2 ( Singapore : Malaysian Sociological Research Institute, 1963 ), h. 72.

berasal dari masyarakat Minangkabau di Sumatra. Manakala <sup>1</sup>Adat Temenggong pula di ta'rifkan sebagai " Undang-undang Peperangan dan Polis. " <sup>2</sup> <sup>3</sup>Adat ini berasal dari Palembang iaitu di Sumatra Selatan Indonesia.

Dari segi sejarah, Temenggong bersaudara dengan Perpatih. Kedua-dua mereka ini dilahirkan daripada ibu yang sama tetapi berlainan bapa. Temenggong merupakan seorang putera raja yang dikenal sebagai " Sutan Paduka Besar " ( Datuk Ketemenggongan ). Manakala Perpatih adalah anak orang biasa yang dikenal sebagai " Datuk Perpatih Nan Sebatang. " Ibu Perpatih kahwin kali kedua setelah suaminya yang pertama meninggal dunia, dengan harapan dapat menjadi Permaisuri pertama di Pulau Percha ( Sumatra ). Oleh sebab itulah lahirnya Temenggong yang dikatakan berdarah raja. <sup>3</sup>

---

<sup>2</sup>R.O.Winstedt, The Malay a Cultural History ( Singapore : 1974 ), h. 79.

<sup>3</sup>Hj.Mohd Din bin Ali, "Islam & <sup>3</sup>Adat : Two Forces in Malay Society," Intisari, Vol.I, No.3, ( Singapore: MSRI , 1965 ), h. 16.

Kedua beradik ini merupakan pengasas kepada dua badan atau instirusi <sup>C</sup>adat Melayu yang terbesar yang mana <sup>C</sup>Adat Temenggong memakai sistem " aristokratik patrilineal " iaitu di mana seorang raja berkuasa penuh dan susunan masyarakatnya berdasarkan pada bapa atau keturunan yang tidak bergantung pada suku. Manakala <sup>C</sup>Adat Perpatih pula memakai sistem " unilateral matelianeal " iaitu setiap orang sama ada lelaki atau perempuan berdasarkan pada satu pihak iaitu pihak perempuan.<sup>4</sup>

<sup>C</sup>Adat Temenggong banyak dipakai di daerah pesisir, sedangkan <sup>C</sup>Adat Perpatih di daerah pedalaman seperti didasarkan pada kata <sup>C</sup>adat:-

" Turun ke laut ke Bandar Rokan,  
Tempat perahu yang bersusun-susun,  
Tempat galah yang berselang-seli,  
Di situlah pembahagian Datuk Temenggong,

---

<sup>4</sup>R.J.Wilkinson, " Law Part I, An Introductory and Sketch," Papers on Malay Subjects, ( Kuala Lumpur: s.n., 1908 ), h. 2 - 3.

dengan Datuk Perpatih Nan Sebatang,  
Menghilir ke Kampar kiri dan,  
Menghulu ke Kampar kanan . " <sup>5</sup>

Kata <sup>c</sup>adat yang lain yang berhubung dengan kawasan <sup>c</sup>Adat Temenggong dan Perpatih ialah:-

"Ke darat Datuk Perpatih Nan Sebatang,  
Ke air <sup>c</sup>Adat Datuk Ketemenggongan." <sup>6</sup>

Berbalik pada sejarah <sup>c</sup>Adat Temenggong ada yang mengatakan bahawa <sup>c</sup>adat ini mula-mula sekali sampai ke Singapura dalam abad keempat belas. Ketika itu satu peperangan telah terjadi antara Empayar Majapahit, yang merupakan satu kerajaan yang kuat pada masa itu, dengan Singapura. Melalui Singapura, <sup>c</sup>adat ini beransur-ansur merebak ke negeri-negeri lain dan pulau-pulaunya. <sup>7</sup>

---

<sup>5</sup>Mohd. Din bin Ali, "Two Forces in Malay Society," h. 17.

<sup>6</sup>Ibid., h. 16 - 17.

<sup>7</sup>R.J. Wilkinson, "Law Part I, An Introductory Sketch," h. 34 - 36.

Hingga ke hari ini <sup>C</sup>adat ini masih lagi menjadi <sup>C</sup>adat resam negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Trengganu, Kelantan dan juga di setengah-setengah tempat di negeri Melaka dan negeri Sembilan.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun <sup>C</sup>Adat Temenggong ini tidak masyhur seperti <sup>C</sup>Adat Perpatih.

Menurut pendapat Abdullah Sidik, istilah <sup>C</sup>Adat Temenggong adalah berasal dari Minangkabau dan <sup>C</sup>Adat Temenggong lazimnya dipakai di pesisir iaitu dari kerajaan Pagar Ruyung. <sup>C</sup>Adat Temenggong banyak berbeza dengan <sup>C</sup>Adat Perpatih kerana pemerintahan beraja yang " autocrasi ", susunan masyarakat yang tidak bersuku-suku ia menjadi masyarakat yang " parental." <sup>9</sup>

Perkara-perkara seperti ini dapat dibukti-

---

<sup>8</sup>Ahmad bin Mohd. Ibrahim, " Islam Customary Law Malaysia," h. 48 - 49.

<sup>9</sup>Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang <sup>C</sup>Adat di Malaysia, ( Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya , 1975 ),h. 157.

kan dari kenyataan seperti berikut bahawa:-

a- istilah <sup>c</sup>Adat Temenggong yang lazimnya digunakan di Negeri Sembilan dan negeri Melaka adalah sebagai pernyataan <sup>c</sup>adat yang dipakai itu bukan <sup>c</sup>Adat Perpatih.

b- istilah <sup>c</sup>Adat Temenggong pada mulanya, tidak dipakai di Semenanjung Tanah Melayu tetapi digunakan istilah <sup>c</sup>adat Melayu dan istilah <sup>c</sup>adat Kampung.

K.L.O. Burridge dalam karangannya juga tidak menyebutkan adanya <sup>c</sup>adat yang mempunyai nama khas tetapi mempergunakan istilah <sup>c</sup>adat Melayu, <sup>c</sup>adat Kampung dan tidak istilah <sup>c</sup>Adat Temenggong.<sup>10</sup>

c- istilah <sup>c</sup>Adat Temenggong di dalam buku dan karangan-karangan serta lain-lain terbitan, khasnya yang berkaitan dengan undang-undang dipera-  
kui sebagai membezakan antara pengertian <sup>c</sup>adat Mela-

---

<sup>10</sup> Ibid., h. 160



yu yang bercorak <sup>c</sup>Adat Perpatih dan yang bukan <sup>c</sup>Adat Perpatih. Istilah <sup>c</sup>Adat Temenggong telah diterima sebagai pernyataan <sup>c</sup>adat yang bukan <sup>c</sup>Adat Perpatih.

d- istilah <sup>c</sup>Adat Temenggong hanya ditemui di alam Minangkabau iaitu <sup>c</sup>adat yang disusun oleh Datuk Ketemenggongan. <sup>c</sup>Adat Temenggong juga adalah <sup>c</sup>adat yang berkembang di pesisir daerah Minangkabau yang telah meninggalkan masyarakat kesukumannya kerana sistem perkahwinan yang " endogami " ( tidak terikat dengan suku ).

Ini dikuatkan dengan pernyataan yang dibuat oleh M.B.Hooker bahawa penggunaan istilah <sup>c</sup>Adat Temenggong akan digunakan pada <sup>c</sup>adat-<sup>c</sup>adat yang bukan <sup>c</sup>Adat Perpatih.<sup>II</sup>

e- istilah <sup>c</sup>Adat Temenggong yang berkembang di pesisir telah menghapuskan masyarakat kesu-

---

<sup>II</sup>M.B.Hooker, Adat Laws in Modern Malaya,  
( Kuala Lumpur, Singapore : Oxford University Press  
London, New York , 1970 ), h. 28.

kuan kerana perkahwinan " endogami " dan pemerintahannya mengikut sistem beraja yang mempunyai kuasa penuh. Harta pusaka pula turun kepada waris lelaki dan perempuan dan harta sepencarian dibahagikan dua jika terjadi perceraian.


Didapati bahawa <sup>c</sup>Adat Temenggong adalah berbentuk " otokratik ", ini dibuat untuk raja yang memerintah ataupun dengan perintah raja. Susunan pemerintahan dalam <sup>c</sup>Adat Temenggong adalah berbeza dengan <sup>c</sup>Adat Perpatih kerana adanya jawatan-jawatan seperti:- I<sup>2</sup>

- a- Sultan - yang memegang tampok kerajaan.
- b- Bendahara - orang kanan raja dan mempunyai beberapa keistimewaan.
- c- Temenggong - menjaga keamanan di dalam negeri.
- d- Penghulu Bendahara - jaga khazanah di dalam negeri.
- e- Syahbandar - mengutip cukai.
- f- Laksamana - jadi ketua angkatan laut dan ketua angkatan perang.

---

<sup>I<sup>2</sup></sup>W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, Cetakan Ketiga, ( Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. , 1976 ), h. 78 dan 167.

Sistem jawatan seperti ini didasarkan pada struktur pentadbiran kerajaan Melayu Melaka.<sup>I3</sup>



Susunan seperti ini terdapat di negeri-negeri lain, tetapi negeri Perak agak berbeza sedikit penyusunannya iaitu :- <sup>I4</sup>

I- Raja - yang terdiri daripada:

- i- Sultan.
- ii- Raja Muda.
- iii- Sultan Muda.
- iv- Bakal (waris) Raja-raja di negeri yang terdiri daripada:-
  - a- Raja di Hilir.
  - b- Raja Kecil Besar.

---

<sup>I3</sup>Lofti Ismail, Sejarah Malaysia 1400 - 1963, ( Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu (M) Berhad, 1977 ), h. 38.

<sup>I4</sup>R.O.Winstedt & R.J.Wilkinson, " A History of Perak", JMBRAS, Vol. XII, Part I, ( Singapore: Singapore Printed Limited, 1934 ), h. 134 - 158.

- c- Raja Kecil Muda.
- d- Raja Kecil Tengah.
- e- Raja Kecil Bongsu.

II- Orang Besar Empat - terdiri daripada:

- a- Raja Bendahara.
- b- Orang Kaya Besar Maharaja.
- c- Orang Kaya Temenggong Paduka Raja.
- d- Orang Kaya Mentri Paduka Tua.

III- Orang Besar Delapan - terdiri daripada:

- a- Orang Kaya-kaya Maharaja Lela Tan  
Lela Putra.
- b- Orang Kaya-kaya Laksamana Raja Mahkota.
- c- Orang Kaya-kaya Sri Adika Raja Shahbandar Muda.
- d- Orang Kaya-kaya Panglima Kinta ,  
Sri Amar Bongsu di raja.
- e- Orang Kaya-kaya Panglima Bukit Gantang, Sri Amar di raja.
- f- Orang Kaya-kaya Shahbandar Paduka Indera.
- g- Orang Kaya-kaya Setia Bijaya di raja
- h- Orang Kaya-kaya Iman Paduka Tuan.

IV- Pembesar Enam Belas - yang terdiri:

- a- Sri Maharaja Lela.
- b- Sri Lela Paduka.
- c- Maharaja Indra Muda.
- d- Maharaja di raja.
- e- Paduka Setia.
- f- Sri Dewa Raja.
- g- Sri Amar di raja.
- h- Raja Mahkota.
- i- Panglima Teja.
- j- Shahbandar Muda.
- k- Setia Maharaja.
- l- Sri Indra Bongsu.
- m- Maharaja Dewa.
- n- Paduka Raja.
- o- Amar diwangsa.
- p- Ferdana.

V- Pembesar Tiga Puluh Dua:


Pembesar-pembesar tiga puluh dua ini merupakan pembesar yang paling kecil pangkatnya di dalam kerabat di raja negeri Perak. Ketua bagi pembesar-pembesar ini ialah Tan Dewa Sakti, iaitu Penghulu di Batang Padang. Pembesar-pembesar yang lainnya terlalu ramai dan nama-nama mereka masih menjadi ke-  
raguan untuk dinyatakan.

Ringkasnya, sistem pemerintahan di negeri Melaka, Perak dan lain-lain lagi berdasarkan pada sistem " otokratik " , di mana undang-undang ada di tangan raja, dan yang menjadi hakim adalah raja itu sendiri. Manakala yang melaksanakan undang-undang itu adalah orang-orang seperti Bendahara, Laksamana, Temenggong dan orang-orang yang mendapat gelaran daripada raja serta pembesar negeri. Mereka ini jugalah yang memelihara undang-undang itu. Semuanya ini dapat dilihat dari wibawa dan keperibadian raja itu sendiri, peranan dan kuasa yang diberinya kepada seseorang. Konsep daulat, konsep derhaka, hukuman yang diimplementasikan dan berbagai aspek lagi. Semuanya merangkumi hakikat yang pada istilah hari ini kita namakan undang-undang.

Sistem " atokratik " ini dapat dibuktikan dalam Sejarah Melayu. Contohnya peristiwa Gajah I Kepenyang dicuri oleh Laksamana Melaka, maka Sultan Abdul Jamil bertitah:-

" Kita diperbuatnya oleh Raja Melaka seperti kera, mulut disuapnya pisang, pantat dikaitkannya dengan onak. " I5

Dari sini dapat kita simpulkan bahawa dalam <sup>c</sup>Adat Temenggong pembentukan susunlapis masyarakatnya secara kasarnya dapat dibuat dalam bentuk piramid, sebab golongan yang paling atas itu sangat sedikit bilangan anggotanya tetapi mempunyai kuasa yang " rigid ", sebaliknya golongan yang paling bawah mempunyai ahli yang paling ramai tetapi tidak berkuasa. Ini dapat dilihat dari susunlapis masyarakat Melayu berdasarkan Sejarah Melayu:-




---

I5 W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, h.226.

- G1 - golongan di raja.
- G2 - golongan bangsawan.
- G3 - golongan rakyat biasa yang merdeka.
- G4 - golongan hamba abdi.

Sistem pemerintahan yang berkasta-kasta atau berperingkat-peringkat ini adalah menyerupai dengan sistem yang digunakan oleh orang-orang Hindu. Sebagaimana yang diketahui orang-orang Hindu di Tanah Melayu kebanyakannya datang dari Majapahit. Pada zaman pertumbuhan Majapahit pengaruh Hindu meresap dalam segenap bidang kehidupan orang-orang Majapahit terutama sekali dalam hal perundangan. Kitab Hindu yang banyak mempengaruhi perundangan Majapahit ialah kitab " Madawadharmacastra ".<sup>I6</sup>

Dengan ini didapati <sup>c</sup>Adat Temenggong ada juga terpengaruh dengan <sup>c</sup>adat dan undang-undang Hindu. Ini didasarkan pada kenyataan yang dibuat oleh

---

<sup>I6</sup> Prof. Dr. Selamat Muljar, Perundangan-perundangan Majapahit, ( Djakarta: s.n. : 1967 ), h. 12.



R.O.Winstedt bahawa <sup>c</sup>Adat Temenggong ialah kumpulan undang-undang yang mengandungi undang-undang bumi-putra tetapi bercampur aduk dengan undang-undang Hindu dan Islam. <sup>I7</sup> Ini disebabkan bertambahnya penduduk di kawasan-kawasan pantai ( pelabuhan ) yang mana mereka terdedah kepada pengaruh pedagang-pedagang yang datang ke situ atau singgah di situ seperti pedagang-pedagang dari India pada peringkat permulaannya tetapi kemudiannya barulah pengaruh Islam. <sup>I8</sup>

Pengaruh <sup>c</sup>adat serta undang-undang Hindu dan Islam ini dapat dikatakan telah mulai masuk sejak datangnya agama-agama itu ke daerah Tanah Melayu. Dikatakan pengaruh Hindu mula bertapak pada abad permulaan di Kedah iaitu sebuah negeri yang penting di Tanah Melayu dari segi perdagangannya. <sup>I9</sup>

---

<sup>I7</sup>R.O.Winstedt, The Malay a Cultural History, ( London: Rowe & Brydone Printers Ltd., 1961 ), h. 91 - 92.

<sup>I8</sup>Ibid., h. 91 - 92.

<sup>I9</sup>Lofti Ismail, Sejarah Malaysia 1400 - 1963, h. 4

Manakala pengaruh Islam mula bertapak di Melaka iaitu pada tahun 1414 ( abad ke - 15 ) , setelah Parameswara berkahwin dengan Puteri Pasai. <sup>20</sup> Dengan demikian pengaruh Hindu mulai berkurang dan unsur-unsur Hindu mula disesuaikan dengan Islam. Walaupun ada pengaruh dari luar <sup>C</sup>adat dan undang-undang Melayu masih juga mempunyai unsur-unsur aslinya. Umpamanya berhubung dengan berburu dan buruan.

Pengaruh Hindu dan Islam senang mempengaruhi <sup>C</sup>Adat Temenggong ini, disebabkan keadaan semula jadi <sup>C</sup>Adat Temenggong itu sendiri yang tidak tetap atau sifatnya berubah-ubah mengikut kehendak pemerintah. Ini ditegaskan oleh Haji Mohd. Din bahawa <sup>C</sup>Adat Temenggong ini mudah terpengaruh dan berubah-ubah dengan sogokan-sogokan kepercayaan dan ideologi orang lain. <sup>21</sup>

---

<sup>20</sup>Ibid., h. 39.

<sup>21</sup>Mohd. Din bin Ali, " Islam & <sup>C</sup>Adat : Two Forces in Malay Society, " h. 16.

Sumber <sup>c</sup>Adat Temenggong adalah berdasarkan pada " Digest " atau " Code " yang telah ditulis untuk sesuatu pemerintahan yang ada pada masa itu. Contohnya undang-undang Melaka mula dikumpul di zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah iaitu pada kira-kira tahun 1447 hingga 1448 masehi. Akan tetapi undang-undang ini mula ditulis pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Shah iaitu Sultan Melaka yang terakhir iaitu kira-kira pada tahun 1523 hingga 1524 masehi. <sup>22</sup>

Oleh sebab itu tidak hairanlah pada kita bahawa penulisan mengenai <sup>c</sup>Adat Temenggong senang dilakukan oleh orang Barat sebab kumpulan-kumpulan atau " digest " ini banyak terdapat di negara Barat seperti Belanda, England dan Paris.

Ini dapat dibuktikan dari penulisan yang

---

22

Mohammad bin Rahmat, " Sedikit Tinjauan Tentang <sup>c</sup>Adat dan Undang-undang Melayu ", Dewan Bahasa, November, Jilid 5, ( Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1961 ), h. 505.

dibuat oleh Abdullah Munshi,<sup>23</sup> yang mana ketika Raffles hendak pulang ke negaranya semula ia telah memanggil Abdullah untuk menyimpan barang-barangnya. Antara barang-barang yang disimpan ialah kitab-kitab Melayu. Akan tetapi pada suatu hari Farquhar telah memberitahu Abdullah mengatakan kapal yang dinaiki oleh Raffles telah terbakar dan menyebabkan semua barang termasuk kitab-kitab Melayu terbakar kecuali Raffles dan isterinya.<sup>24</sup>

Di sini dapat dibayangkan bahawa kejadian ini sebagai helah orang-orang Inggeris terhadap orang-orang Melayu sebagai jalan menyembunyikan kitab-kitab Melayu itu. Lagipun Raffles pernah berkata pada Abdullah yang beliau ingin menulis buku tentang <sup>c</sup>adat Melayu di Tanah Melayu.

Dengan sebab itu mereka tidak perlu datang ke sini untuk mencari bahan dan membuat kajian con-

---

<sup>23</sup>Abdullah bin Abd. Kadir Munshi, Hikayat Abdullah, Jilid 2, ( Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Aman, 1966 ), h. 239.

<sup>24</sup>Ibid., h. 245.

tohnya berhubung dengan Undang-undang Laut bagi Undang-undang Melaka ada terdapat di London iaitu dari " Library of the Royal Asiatic Society," London iaitu manuskrip ( ms ) Maxwell 6 dan 55 muka . surat disalin pada 1304 hijrah ( 1887 masehi ). Ia mengandungi bahagian tentang Undang-undang Laut ( muka 1, 2, 41 hingga 45 ), Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, beberapa bahagian dari Raffles ( ms ) 33 dan Undang-undang Johor yang telah diterjemahkan oleh Logan ( 1855 : 71 - 95 ). <sup>25</sup>

Sebagai kesimpulannya mengenai apa yang dikatakan <sup>c</sup>Adat Temenggong di Semenanjung Tanah Melayu datangnya dari hukum <sup>c</sup>adat Melayu amnya tidak bertulis dan apa yang ditulis berkenaan <sup>c</sup>Adat Temenggong ini adalah kebanyakannya masih samar-samar tetapi yang nyatanya ialah besarnya pengaruh ajaran Islam dan sedikit unsur-unsur Hindu. Kumpulan un-

---

<sup>25</sup> M.B.Hooker, Adat Law in Modern Malaya,  
h. 77.

dang-undang di Melaka, Pahang, Kedah, Perak dan Johor semuanya membentangkan <sup>c</sup>Adat Temenggong sebagai satu campuran <sup>c</sup>adat dan undang-undang Hindu dan Islam.

BAB PERTAMA

Pengenalan Teks - Teks <sup>c</sup>Adat

TEMENGGONG

Bab pertama ini menerangkan kumpulan teks-teks <sup>c</sup>Adat Temenggong yang dianggap penting dan masyhor. Berdasarkan pada manuskrip-manuskrip (mss) yang terdapat di London dan Paris maka dapat dikatakan bahawa teks-teks yang penting ialah:- <sup>I</sup>

- a- Undang-undang Melaka.
- b- Undang-undang Kerajaan atau Pahang.
- c- Undang-undang Minangkabau.
- d- Undang-undang Kedah.
- e- Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan dari negeri Perak.

Kesemua teks-teks ini dikatakan sebagai " digest " kerana teks-teks ini merupakan kumpulan undang-undang. <sup>c</sup>Adat dan undang-undang Melayu di-

---

<sup>I</sup>M.B.Hooker, Readings in Malay Adat Laws,  
( Singapore : Singapore University Press, 1970 ),  
h. 54.

dalam pengertiannya tidak dapat disamakan dengan pengertian " law " atau hukum di Barat kerana <sup>C</sup>adat dan undang-undang Melayu tidak pernah dibuat oleh suatu badan perundangan atau "Legislative Authority". Dengan ini tidak dapat disebut naskhah atau buku-buku yang mencatatkan <sup>C</sup>adat dan undang-undang Melayu dengan " law books , " malahan tepat kalau disebut " digest " atau satu penyusunan dari <sup>C</sup>adat dan undang-undang yang berlaku. <sup>2</sup>

Bila disentuh tentang " code " atau "digest" dalam buku istilah undang-undang kita tidak dapat tahu apa maksud " code " atau " digest ". Di dalam Dwi Bahasa menterjemahkan " code " itu ialah susunan undang-undang. <sup>3</sup> Manakala Radin Law Dictionary terdapat sedikit perbezaan antara " code " dan "digest ". " Code " merupakan keseluruhan undang-undang yang ada seperti " Penal Code ", " a code of

---

<sup>2</sup>R.J.Wilkinson, " Law Part I, Introductory Sketch, " h. 2.

<sup>3</sup>Kamus Dwi Bahasa, ( Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, 1979 ), h. 2II.



criminal procedure ", " a code of civil procedure " dan lain-lain. Manakala " digest " pula ialah sebagai rumusan bagi sesuatu perkara atau bahan kumpulan undang-undang. <sup>4</sup>

Menurut M.B.Hooker, dalam bukunya yang belum diterbitkan lagi iaitu " Introduction Islamic Legal History South East Asia " mengatakan bahawa kumpulan undang-undang ( digest ) di Kepulauan Melayu adalah merupakan sejumlah dokumen-dokumen atau risalah-risalah sejarah yang berbeza.

Pertama: " digest " ini biasanya dipenuhi dengan cara-cara yang telah dilakukan oleh penjajah atau nenek moyang mereka.

Kedua : " digest " ini selalunya dirujuk pada sejarah.

---

<sup>4</sup>Max Radin, Radin Law Dictionary, Second Edition, ( New York : Oceana Publications, Inc., 1970 ), h. 94 dan 57.

Oleh sebab itu setiap orang yang ingin mengetahui betul-betul mengenai dengan konsep-konsep yang berada di Kepulauan Melayu seperti konsep yang berhubung dengan undang-undang atau peraturan-peraturan dan lain-lain mestilah cara pertama dan cara kedua itu diketahui sekaligus.

Mengikut ahli undang-undang Barat mengatakan bahawa teks-teks <sup>c</sup>Adat Temenggong tidak boleh diterima sebagai undang-undang tetapi dari satu segi kita dapat menerima teks-teks itu sebagai undang-undang kerana peraturan-peraturan ini mengikut penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tertentu pada masa ia dikuatkuasakan.

#### GAMBARAN MENGENAI TEKS-TEKS <sup>c</sup>ADAT TEMENGGONG:

##### I- Undang-undang Melaka.

Menurut Winstedt, terdapat tiga jenis undang-undang orang-orang Melayu. <sup>5</sup> Jenis yang perta-

---

<sup>5</sup>R.O.Winstedt, " Old Malay Legal Digest & Malay Customary," dalam JRAS, Part I & 2, ( London: 1945 ), h. 17

ma ialah Undang-undang Minangkabau yang hanya diketahui melalui dua teks undang-undang yang dianggap tidak berapa memuaskan iaitu undang-undang Minangkabau Lama dari Perak dan Undang-undang Sungai Ujung.<sup>6</sup> Jenis yang ketiga ialah undang-undang Islam yang diterbitkan oleh Abdur Ra'uf.

Di antara ketiga-tiga yang disebutkan tadi didapati Undang-undang Melaka adalah lebih penting. Undang-undang ini diambil atau menjadi panduan bagi negeri-negeri lain seperti Kedah, Pahang, Riau, Pontianak, Brunai dan juga terdibar di Sulawesi.<sup>7</sup> Buktinya terdapat pada Undang-undang Negeri, Undang-undang Johor, Undang-undang Pahang dan Undang-undang Kedah.

---

<sup>6</sup>Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest from Perak," JMBRAS, Vol.26, Part I, ( Singapore : Malaya Publishing House, Ltd., 1953 ), h.I -I3, cf. Winstedt & Josselin de Jong, " Undang-undang Sungai Ujung," JMBRAS, Vol.27, Part III, ( Singapore: Malaya Publishing House, Ltd., 1954 ), h.5.

<sup>7</sup>M.B.Hooker, " Lecture on <sup>c</sup>Adat Law," ( Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 28, September, 1981,

Selain daripada itu, undang-undang Melaka dianggap penting kerana ia mempunyai banyak manuskrip. Iaitu lebih kurang 40 manuskrip tapi tidak semua manuskrip ini sama nilainya. Ada yang hanya meniru manuskrip yang lain, ada yang biasa sahaja atau yang tidak berapa tepat dengan undang-undang Melaka. <sup>8</sup>

Teks undang-undang Melaka ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu : <sup>9</sup>

- a- Bahagian Undang-undang Laut.  
( Maritime Law ).
- b- Peruntukkan Am.

a- Berhubung dengan undang-undang Laut di antaranya terdapat:

- I- di London ( Royal Asiatic Society ).
  - i- Raffles mss. 33, 34 dan 74.
  - ii- Maxwell mss. 5,6,II (a),I9 dan 47.

---

<sup>8</sup>Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka,  
( The Hague Martinus Nijhoff; Koninklijk Instituut,  
1976 ), h.I.

<sup>9</sup>M.B.Hooker, Adat Laws in Modern Malaya,  
h. 77.

2- dari Leiden Universiti Library.

i- Leiden mss.Orient I705 ( 224 ),  
Juynboll, I89I.

ii- Mas. Orient I726 ( 345 ) Juynboll  
I899.

iii- Mss.Orient 3I99 ( 700 ) Juynboll  
I899.

3- dari The Royal Military Academy di  
Breda ada satu manuskrip iaitu Breda  
manuskrip 66I9 ditulis pada I665 masehi

b- Berhubung dengan Peruntukkan Am:<sup>IO</sup>

Berhubung dengan teks peruntukkan am ada  
yang termasuk dalam teks Undang-undang Laut seperti  
Raffles ms. 33 dari The Royal Asiatic Society, Lon-  
don. Manuskrip ini sangat bernilai. Oleh sebab itu  
teks ini digunakan oleh Ph. S. Van Ronkle semasa  
menyusun " Risalat Hoekoem Kanoen Melaka " ( I9I9:  
49 ) dan manuskrip ini digunakan oleh Winstedt untuk  
menyusun Pahang Digest ( I948 ).

---

<sup>IO</sup> Ibid., h. 78.

Keaslian yang terdapat pada manuskrip ini terbukti dengan tercatitnya perkara 28 yang menunjukkan tempat bernama Tangga Batu di Melaka. Sebenarnya manuskrip ini tidak terbatas pada Melaka sahaja. Oleh sebab itu Fol: 159 ( catitan: 159 ) mengandungi undang-undang Johor dan Fol: 62 hingga 64 menyatakan tentang undang-undang hamba yang dijalankan di Selangor. Fol, bahagian yang akhir ini berdasarkan pada perkara 15 undang-undang Kerajaan. Ini tidaklah menghairankan bahawa manuskrip 83 telah disalin untuk Raffles semasa berada di Pulau Pinang dalam tahun 1805 masehi. Tambahan pula perkara 8 daripada Fol: 59 nampaknya mengandungi perkara yang sama seperti yang terdapat di dalam perkara 22, 68 hingga 70 dan 76 daripada undang-undang Kerajaan.<sup>II</sup>

Sementara Fol: 33 hingga 43 menunjukkan bahagian teks-teks yang tertentu, berguna untuk dijadikan perbandingan yang disusun oleh Ph. S. Van

---

<sup>II</sup>Ibid., n. 78.

Ronkel. Terdapat juga tentang hamba di Selangor dan pada perkara 20 hingga 21 ada menggunakan perkataan Bugis bagi carian laki bini.

Fol: 61 hingga 62 ditujukan kepada Allah memohon keampunan daripadanya. Oleh sebab itu terdapat banyak peraturan-peraturan yang bercanggah dengan Islam. Tetapi itu adalah bertujuan untuk menjaga keamanan. Manuskrip Maxwell I9 ada menghubungkan undang-undang negeri Melaka, Pahang, Kedah, Makkasar dan Rum. Manuskrip ini diambil daripada yang asal bertarikh 1672 masehi ( 1083 hijrah ).

#### Penerbitan Undang-undang Melaka:

Pada awal tahun 1736 Werndly ada menyatakan bahawa tajuk undang-undang Melaka itu ialah " Hhukum Khanun ". Sir Stamford Raffles adalah orang yang memulakan pengkajian secara teliti mengenai undang-undang Melayu ini. Beliau dibantu oleh empat orang Melayu, seorang asli dari " coromandel " dan seorang Arab dan Mekah. Kemudian Raffles pun memulakan pengumpulan manuskrip undang-undang ini ketika beliau

di Pulau Pinang ( 1805 hingga 1810 ). Pada anggapanannya bahawa orang-orang Melayu tidak mempunyai undang-undang. Oleh sebab itu beliau telah cuba untuk mengadakan undang-undang pada orang-orang Melayu. <sup>I2</sup>

Manuskrip undang-undang Melaka ini boleh dibahagikan kepada 7 kumpulan:- <sup>I3</sup>

- a- Undang-undang Melaka ( yang sebenar ).
- b- Salinan undang-undang Aceh ( The Aceh nese version ).
- c- Salinan undang-undang Patani ( The Patani version ).
- d- Salinan Panjang ( The Long version ).
- e- Salinan Undang-undang Islam dan Johor.
- f- Salinan Pendik ( The Short version ).
- g- Petikan undang-undang ( The fragmentary ones ).

---

<sup>I2</sup> Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, h.2

<sup>I3</sup> Ibid., h. 2



Bentuk Undang-undang Melaka:

Di dalam undang-undang Melaka yang sebenarnya terdapat enam jenis atau rupa bentuk undang-undang iaitu: I<sup>4</sup>

a- Undang-undang biasa biasa atau yang sebenar:

Merupakan perkara yang terpenting dalam undang-undang ini iaitu dari fasal I hingga 23.I. Dalam perkara ini kedudukan <sup>c</sup>adat adalah penting didalam pentadbiran negara. Walau bagaimanapun pada masa ini sudah terdapat pengaruh Islam.

b- Undang-undang Laut: ( fasal 23.3 hingga 23.5, 24.I hingga 24.2, dan 29 ).

Undang-undang laut ini hanyalah digunakan di laut. Manakala undang-undang darat digunakan di darat. Undang-undang laut ini mula dikumpul ketika pemerintahan Sultan Mahmud Shah dari Melaka.

---

<sup>I4</sup>Ibid., h. 31 - 38.

- c- Undang-undang Perkahwinan Islam ( fasal 25 hingga 28 ).

Sistem perkahwinan dan perceraian adalah mengikut Islam ( mengikut Mazhab Shafie ).

- d- Undang-undang perniagaan mengikut Islam ( fasal 30 hingga 42 dan 43.I ).

- e- Undang-undang Negeri ( fasal 43.2 hingga 43.8, 44.I hingga 44.8 ).

Ini merupakan satu peruntukan yang pendek sahaja. Contohnya mengenai dengan tugas pegawai yang dimulakan dengan " Bismillahirrahmanirrahim " dan diteruskan berpandukan pada ayat-ayat al-Qur'an yang berbunyi : <sup>I5</sup>

" يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اطَّعُوا اللَّهَ وَاطَّعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ  
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ  
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ  
تَأْوِيلًا .

---

<sup>I5</sup> al-Qur'ān, Sūrah An-Nisā', 4 : 59.

Maksudnya:

" Hai orang-orang yang beriman, ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul(Nya), dan Ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya. "

f- Undang-undang Johor ( fasal 44.9, 44.I0 dan 44.II )

Undang-undang Johor ini diterjemahkan oleh J.R. Logan dan dinamakan sebagai " The Malayan Laws of the Principality of Johore. "<sup>I6</sup> Undang-undang ini boleh jadi dikumpulkan pada permulaan abad ke-

---

<sup>I6</sup> J.R.Logan, A Translation of the Malayan Laws of the Principality of Johore, ( s.l., reprinted from 9 JIAEA , 1855 ), N. 71 - 90.

I6 ketika orang-orang Portugis mula datang ke Melaka. Undang-undang Johor berkemungkinan dikumpulkan disebabkan arahan dari Sultan Mahmud Syah ( I76I - I8I2 ) putera Sultan Abdul Jalil Syah ( I700 - I76I ).<sup>I7</sup>

Undang-undang Johor juga merupakan satu peruntukkan yang sedikit sahaja dalam Undang-undang Melaka iaitu tentang menjunjung duli, denda pada anak-anak raja dan mengenai titah di raja mesti di istiharkan pada rakyat.

Di sini teranglah pada kita bahawa Undang-undang Melaka merupakan campuran dari berbagai-bagai undang-undang. Undang-undang Melaka yang sebetulnya berkemungkinan disiapkan pada pertengahan abad ke I5 iaitu ketika pemerintahan Sultan Muhammad Syah ( I424 - I444 ) dan menjadi sempurna ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Syah ( I445 - I448 ), iaitu

---

<sup>I7</sup> Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, h. 38.

ketika zaman keagongan Kesultanan negeri Melaka.<sup>I8</sup>  
Kemudiannya undang-undang Islam pula muncul dan di  
ikuti oleh undang-undang negeri dan undang Johor  
yang mungkin dimasukkan pada abad ke - 18.

2- Undang-undang Kerajaan atau Pahang.

Teks ini dikira sebagai undang-undang yang  
digunakan di negeri-negeri Perak, Pahang dan Johor.  
Ini didasarkan pada pendahuluan undang-undang ini  
iaitu dinyatakan bahawa:

" Maka inilah suratan risalat yang  
disimpan pada menyatakan segala  
wazirnya di dalam negeri Perak,  
Pahang dan Johor daripada Sultan  
yang amat besarnya kerajaannya  
iaitu Sultan Abdul Ghafur yang  
dikekalkan atas keupayaannya  
dari dunia datang ke akhirat. " <sup>I9</sup>

---

<sup>I8</sup>Ibid., h. 38.

<sup>I9</sup>Kempe J.E. & Winstedt, " A Malay Legal  
Digest of Pahang ", JMBRAS, Vol. 21, Part II, ( Si-  
ngapore: Malaya Publishing House, Ltd., 1948 ), h.  
24 - 25.

Daripada petikan di atas memperlihatkan Undang-undang Kerajaan itu bukan semata-mata digunakan bagi negeri Pahang sahaja, tetapi juga bagi negeri Perak dan Johor. Dalam hal ini R.O. Winstedt dan John E. Kempe hanya memberikan judul " A Malay Legal Digest . " <sup>20</sup>

Teks ini disusun untuk se orang Sultan di Pahang iaitu Sultan Abdul Ghafar yang memerintah pada 1592 hingga 1614 masehi. Terdapat beberapa mss. yang berhubung dengan undang-undang Kerajaan ini iaitu mss. Maxwell bilangan 17 dan 20. Keduanya terdapat di Library of the Asiatic Society London. <sup>21</sup>

Menurut pendapat Kempe dan Winstedt kebanyakan peruntukan di dalam mss. ini hampir sama di antara undang-undang Melaka. Oleh itu tidak hairan-

---

<sup>20</sup> Ibid., h. I.

<sup>21</sup> M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, h. 72.

lah ada pendapat yang mengatakan undang-undang Pahang ini digolongkan dalam kumpulan Undang-undang Melaka.

Ms. I7 telah disalin dalam tahun I296 hijrah bersamaan I680 masehi. Ms. I7 ini telah disalin dari sebuah teks kepunyaan Sultan Idris Ibni Raja Iskandar untuk Maxwell sewaktu beliau menjadi penolong Residen Perak. <sup>22</sup>

Ms. kepunyaan Sultan Idris ini adalah satu naskhah yang baru disalin iaitu dalam tahun I234 hijrah bersamaan I819 masehi oleh Naina Ahmad Lebar bin Nakhoda Muhammad Hussin dari Melaka.

Tentang ms. nombor 20 pula ia telah disalin dalam tahun I300 hijrah ( I884 masehi ) dari sebuah teks undang-undang yang bertarikh I248 hijrah (I832

---

<sup>22</sup>Ibid., h. 72.

masehi ) kepunyaan Datok Sri Adika Raja dari Perak.<sup>23</sup>  
 Ms. ini disalin oleh Luakang bin Muhammad Rashid  
 untuk Mr. Leach untuk disampaikan kepada Residen  
 Perak.

Ms. Kempe dan Winstedt,<sup>24</sup> pula adalah meru-  
 pakan salinan daripada teks yang asal atau berke-  
 mungkinan dikumpul di masa pemerintahan Sultan Abu  
 Ghafar yang mungkin bertarikh antara 1592 masehi  
 hingga 1614 masehi.

Ms. ini boleh dibahagikan kepada dua baha-  
 gian iaitu perkara 1 hingga 23 menunjukkan peraturan  
 yang ditetapkan itu berbeza dengan undang-undang  
 Islam. Di sini mencerminkan adanya pengaruh Hindu.<sup>25</sup>

Sebagai contoh dari segi orang yang memberi  
 hutang bertindak kasar terhadap orang yang berhutang  
 padanya serta menodai anak perempuan orang yang ber-

---

<sup>23</sup>Ibid., h. 73.

<sup>24</sup>Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest  
 of Pahang, " h. I.

<sup>25</sup>Ibid., h.I.



hutang. Dalam hal ini orang yang memberi hutang di kenakan membayar tiga kali ganda harga mas kahwin.<sup>26</sup>

Sementara dalam perkara 24 hingga 66 menunjukkan terjemahan Undang-undang Islam iaitu Fiqh Shafie.<sup>27</sup> Ini dapat dilihat dalam perkara 46 Undang undang Pahang mengenai dengan kesalahan membunuh ialah dibunuh balas. Ini sesuai dengan firman Allah yang berbunyi : <sup>28</sup>

”وكتبنا عليهم فيها ان النفس بالنفس والعين بالعين  
والانف بالانف والاذن بالاذن والسن بالسن والجروح  
قصاص”

Maksudnya:

" Dan Kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (At Taurat) bahawasanya jiwa (di-

---

<sup>26</sup>Prof. Dr. Selamat Muljar, Perundangan - perundangan Majapahit, fasal 141.

<sup>27</sup>Kempe & Winstedt, "A Malay Legal of Pahang," h. 2.

<sup>28</sup>al-Qur'ān, Sūrah al-Māidah, 5 : 45.

balas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka-luka pun ada qisāsnya. "

Walau bagaimanapun Kempe dan Winstedt telah terlupa untuk memasukkan perkara 67. Ini mungkin disebabkan perkara ini mengulang perkara 25 hingga 27 Undang-undang Melaka.<sup>29</sup>

Bahagian yang tertinggal ini menyentuh tentang pencerobohan yang dilakukan oleh binatang, pencerobohan ke atas orang serta pencerobohan ke atas harta dan juga mengenai dengan rogol serta zina. Selain daripada itu tentang mencuri, judi, hamba dan hutang piutang.

Sebenarnya terdapat sebuah lagi ms. yang berhubung dengan Undang-undang Kerajaan iaitu yang

---

<sup>29</sup>Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, h. 42 - 27.

tersimpan dan terdapat dalam dokumen Frank Swettenham di Musium Perak iaitu dokumen nombor 48.<sup>30</sup> Ini dipetik dalam susunan asal yang ditulis oleh Clifford iaitu ketika beliau berada di Pahang tetapi tidak dinyatakan orang yang menulisnya. Oleh sebab itu hanya dapat dikaitkan bahawa ia kepunyaan Clifford.

Terdapat beberapa perbezaan dengan teks yang disalin oleh Kempe dan Winstedt tidak sama keseluruhannya, tetapi mempunyai persamaannya.<sup>31</sup> Antara perbezaannya ialah:-

a- Di dalam teks ini tidak terdapat peruntukan mengenai tugas raja dan orang besar-besar.

b- Teks ini mengandungi 23 perkara iaitu menghuraikan berkenaan dengan denda dan balasan seperti juga yang terdapat pada teks yang disalin oleh Kempe dan Winstedt tetapi berbeza dalam perkara

---

<sup>30</sup>M.B.Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, h. 73.

<sup>31</sup>Ibid., h. 73.

I6 iaitu dalam perkara orang menjual orang.

c- Teks ini tidak memuatkan perkara 92 dan 93, seperti mana yang terdapat pada Kempe dan Winstedt.

d- Teks ini mengandungi dua muka dalam perkara 67 yang ditinggalkan oleh Winstedt. Ini menjelaskan tentang syarat-syarat perkahwinan, hukum berwali, syarat wali dan lain-lain.

e- Dari segi aliran bahasa terdapat persamaan.

### 3- Undang-undang Minangkabau.

Teks Minangkabau ini jika dibandingkan dengan teks Minangkabau di Indonesia ternyata contoh yang ada di sini tidak lengkap kerana biasanya teks Minangkabau terbahagi kepada tiga bahagian :- 32

---

<sup>32</sup>Ibid., h. 73

a- Tambo Minangkabau iaitu menerangkan sejarah dan asal Minangkabau.

b- Bahagian undang-undang itu sendiri yang menjelaskan tentang peraturan-peraturan.

c- Terdapat bahagian fiqh yang bercampur dengan <sup>c</sup>adat dan Islam.

Dari ini, Undang-undang Minangkabau yang terdapat di Malaya menyatakan tentang ciri kedua dan ketiga sahaja. Walau bagaimanapun terdapat takluk mengenai teks ini. Undang-undang Minangkabau yang pertama dikenali sebagai Undang-undang Duabelas tau dikatakan sebagai " An Old Minangkabau Legal Digest from Perak. " <sup>33</sup> Manakala yang kedua pula dikenali sebagai Undang-undang Sungai Ujung. <sup>34</sup>

ahagian Undang-undang Duabelas.

---

<sup>33</sup>Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest from Perak, " h. I - I3.

<sup>34</sup>Winstedt & Josselin de Jong, " Undang-undang Sungai Ujung, " h. 5

Ms. yang berhubung dengan Undang-undang Minangkabau ini ialah ms. 44, kepunyaan Maxwell yang terdapat di Library of Royal Asiatic di London. Di samping menyatakan tentang undang-undang, ms. ini juga menghuraikan nama pembesar-pembesar dan Sultan-sultan di negeri Perak. <sup>35</sup>

Ms. ini disalin dalam tahun I292 hijrah ( I875 masehi ) di Pulau Pinang. Menurut Winstedt, teks asalnya bertarikh pada tahun I700 hingga I728 masehi kerana dalam teks ini ada menampakan tanda persengketaan antara orang-orang Minangkabau dengan orang-orang Bugis. Kenyataan ini disokong oleh Wilkinson. <sup>36</sup>

Undang-undang yang terdapat di dalam " digest " ini dianggap sebagai hasil Ahmad Tajuddin Syah dari Kedah iaitu orang yang telah menawan se-

---

<sup>35</sup>Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest from Perak, " h. I.

<sup>36</sup>Wilkinson & Winstedt, " A History of Perak , " JMBRAS, Vol. XII, Part I, ( Singapore : Malaya Publishing House, Ltd., 1934 ),h. 61 - 77.

bahagian dari negeri Perak dalam tahun 1816 hingga 1818 masehi. Tentang siapakah pemilik sebenar ms. 44 ini tidak dapat dipastikan tetapi ms. ini masih terdapat dalam simpanan keluarga Megat Terawis.<sup>37</sup>

### Bahagian Undang-undang Sungai Ujung.

Ini diambil daripada ms. II8 dan II8 (A) kepunyaan Maxwell. Ms. II8 ditulis dalam tulisan jawi dan ms. II8(A) ditulis dalam tulisan rumi. Kedua-dua teks ini ditulis pada awal kurun ke-20. Kebanyakan isi kandungannya ialah mengandungi perbilangan. Di dalam teks ini tidak terdapat pengaruh Islam dan Hindu.<sup>38</sup>

Sumber Undang-undang Sungai Ujung ini ialah:<sup>39</sup>

- a- <sup>c</sup>Adat Lama ( purba ):
- B- <sup>c</sup>Adat yang diciptakan.

---

<sup>37</sup>Ibid., h. 61 - 62.

<sup>38</sup>Winstedt & Josselin de Jong, " Undang-undang Sungai Ujung, " h. 5.

<sup>39</sup>Ibid., h. 42.

c- Kata pusaka.

d- Persetujuan yang dicapai.

Di dalam perkara 7 menerangkan tentang apakah itu kata pusaka. Manakala dalam perkara 8 di dalam undang-undang ini, menyatakan tentang sumber undang-undang kedua ( adat yang dicipta ) boleh menyalahi hukum Islam iaitu apabila <sup>c</sup>adat itu disahkan dalam satu upacara <sup>c</sup>adat.

#### 4- Undang-undang Kedah.

Teks undang-undang ini mengandungi lima bahagian yang telah diperolehi daripada Dato' Luar dari negeri Kelantan melalui Mr. W.E.Pepys, " Malayan Civil Service. " <sup>40</sup>

Kemudian teks undang-undang ini telah diberi pada Winstedt dan diterjemahkan. Ada yang men-

---

<sup>40</sup>Winstedt, " Kedah Laws ", JMBRAS, Vol:26, Part II, ( Singapore: Malayan Publishing House, Ltd., 1928 ), h.I.



dakwa bahawa undang-undang ini sebagai undang-undang Kelantan. Walau bagaimanapun ia didapati telah disusun oleh ramai raja-raja termasuk raja Kelantan dan Kedah. Dengan itu undang-undang ini juga dianggap sebagai undang-undang Kedah. <sup>41</sup>

Ms. undang-undang ini boleh dibahagikan pada beberapa bahagian:- <sup>42</sup>

- a- Undang-undang Laut 1650 masehi.
- b- Tembera Dato' Sri Paduka Tuan bertariqh' 1078 hijrah ( 1667 masehi ).

Bahagian ( b ) ini mengadungi berbagai-bagai perkara seperti sabong ayam, milik tanah, hak laluan dan lain-lain.

- c- Hukum Qanun Dato' Star - tanpa tarikh.

Bahagian ini berhubung dengan berbagai-bagai peraturan mengenai dengan penggunaan bendera, warna diraja dan menyatakan tentang tugas pengawal keselamatan.

---

<sup>41</sup>Ibid., h. I.

<sup>42</sup>Ibid., h. I.

d- Bunga Mas. Satu bahagian tentang bunga mas. Iaitu berhubung dengan hadiah bunga mas yang diberikan oleh Kerajaan Kedah kepada Kerajaan Siam. Bunga mas ini menunjukkan sesuatu negeri itu patuh pada satu-satu kuasa. Dari segi fakta sejarah didapati bahawa pada abad ke - 16 hingga ke- 17 negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang adalah di bawah kuasa Siam.<sup>43</sup> Bahagian ini juga menerangkan tentang alat-alat kebesaran di raja seperti cokmar, keris dan lain-lain.

e- Undang-undang- bertarikh pada 1199 hijrah atau 1784 masehi. Di dalam terjemahan yang di buat oleh Winstedt beliau tidak memasukkan bahagian ini kerana menurut pendapat beliau bahagian undang-undang ini hanya merupakan salinan-salinan daripada undang-undang Melaka.

---

<sup>43</sup>Wan Shamsuddin, Sejarah Tanah Melayu dan sekitarnya 1400 - 1957, ( Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1969 ), h. 72.

Terdapat juga salinan-salinan teks undang-undang ini termasuk sebuah teks dari Aceh kepunyaan Batavia Society. Teks ini menjelaskan tentang undang-undang atau peraturan di istana dan bahagian ini hampir sama dengan perkara I hingga 23 undang-undang Melaka.. Terdapat satu lagi teks yang terdapat di Holland. Berhubung dengan Undang-undang Kedah terdapat dalam Raffles ms. nombor 77 dan Maxwell ms. nombor 47. Kedua-duanya ini terdapat di Library of Royal Asiatic of London. Ms. 47 ( Raffles ) juga mengandungi undang-undang Minangkabau dan Undang-undang Laut. <sup>44</sup>

##### 5- Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan dari Perak

Menurut M.B.Hooker, <sup>45</sup> keterangan lanjut berhubung dengan undang-undang ini hendaklah dirujuk kepada Undang-undang Kerajaan untuk menentukan ms.-

---

<sup>44</sup>M.B.Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, h. 76.

<sup>45</sup>Ibid., h. 78.

nya. Raffles ms. nombor 74 juga ada menerangkan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan ini. Walau bagaimanapun J.G.Rigby ada membuat terjemahan yang lengkap berhubung dengan undang-undang ini yang dianggap sangat teratur susulannya. Teks terjemahan ini adalah dari dua mss. yang diperolehi oleh Wilkinson iaitu ms. D.H.Wise dan ms. Mr. A.Hale. <sup>46</sup>

Teks ini pula dikatakan berdasarkan kepada simpanan pribadi keluarga Syed di Perak yang telah lama menjadi Penasihat Sultan Perak. Ini dapat dibuktikan dari catitan yang terdapat dalam ms. itu bahawa, <sup>47</sup> undang-undang ini di bawa ke Tanah Melayu oleh Saiyid Hassan. Ketika pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin yang mana ketua menterinya ialah Saiyid Abdul Majid.

Dari Saiyid Abdul Majid inilah yang menye-

---

<sup>46</sup>J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," Papers on Malay Subjects, ( Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press, 1908 ), h. I.

<sup>47</sup>Ibid., h. I.

babkan undang-undang itu jatuh kepada Tok Tambak. Dengan itu sesiapa sahaja daripada keturunan Saiyid ini yang mewarisi jawatan menteri boleh menggunakan undang-undang ini dan ditetapkan bahawa undang-undang ini adalah kedua penting dari undang-undang Islam. <sup>48</sup>

Mengikut J.G.Rigby lagi, bahawa undang-undang ini tidaklah dianggap sebagai undang-undang negara, malah ia merupakan sebuah naskhah yang disimpan sebagai rujukan bagi sesebuah keluarga tertentu dan digunakan oleh keluarga itu bila diminta memberi nasihat pada Sultan berkaitan dengan hal atau perkara undang-undang.

Ada catitan yang menyatakan bahawa Dato' Saiyid Ja'far di Kuala Teja membenarkan salinan undang-undang ini dibuat untuk Mr. Leech, seorang hakim di daerah Kinta. J.G.Rigby juga telah mene-

---

<sup>48</sup>Ibid., h. 2.

rangkan tentang Saiyid Ja'far, Saiyid Abdul Majid, Saiyid Hassan dan Tok Tambak. Saiyid Ja'far adalah dari Pulau Teja iaitu seorang yang terpenting di negeri Perak, pada abad ke - 19. Beberapa bulan sebelum beliau meninggal dunia beliau telah diberi gelaran Orang Kaya Besar ini diberi pada keluarga Saiyid. <sup>49</sup>

Manakala Saiyid Hassan pula adalah bersaudara dengan Saiyid Abu Bakar iaitu menteri yang pertama dalam pemerintahan Sultan Iskandar Dzul'lkar-nain. Bapa mereka ialah Tok Tambak. Jawatan yang dipegang oleh Saiyid Hassan ialah sebagai Bendahara. Manakala Saiyid Abdul Majid yang disebut dalam Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan ini adalah merupakan datok Saiyid Abu Bakar. Di bawah ini dapat dilihat asal usul keturunan Saiyid ini :-<sup>50</sup>

---

<sup>49</sup>R.J.Wilkinson, Papers on Malay Subjects, ( Kuala Lumpur, Singapore: Oxford University Press London, New York, 1971 ), h. 136.

<sup>50</sup>Winstedt & Wilkinson, A History of Perak, ( Kuala Lumpur: M.B.R.A.S Reprint, No.3, 1974 ), h. I43 - I44.

Saiyid Hussin al-Faradz.  
 ( Orang yang pertama datang ke negeri Perak ).



Saiyid Hassan, Raja Sa'ri.



Saiyid Abu Bakar.



Saiyid Mustaffa.



Saiyid Abdul Majid.



Saiyid Jalaluddin. ( Tok Tambak )



Saiyid Abu Bakar. ( Tok Menteri  
Bendahara ).

Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan ini adalah merupakan campuran antara agama dan <sup>c</sup>adat. Ada pendapat yang mengatakan bahawa dalam teks undang-undang ini terdapat pengaruh Parsi dan Islam. Persoalan di sini ialah mengapa undang-undang Sembilan Puluh Sembilan ini merujuk pada Mushirwan dan Buzurjmihn tidak Abu Hanifah dan Shafie. Di sini dapat dilihat kembali pada kaum keluarga Saiyid tadi. Kaum keluarga Saiyid tadi telah mendakwa bahawa mere

aitu adalah dari keturunan Nabi Mohammad ( saw )  
aitu melalui cucunya Hussin dan cucunya yang tertua  
aitu Zainul Abedin.

Dalam menjelaskan hal ini J.G.Rigby menga-  
takan bahawa asal usul keturunan raja-raja Melayu  
biasanya adalah dari Sang Sapurba ke Raja Suran dari  
raja Suran ke Alexander kemudian terus pada Raja  
Persia. Ini dapat dibuktikan dalam Sejarah Melayu  
di mana menyatakan bahawa Sang Sapurba asalnya dari,  
pada anak cucu Raja Iskandar D'Zulkarnain ( Alexan-  
der ). <sup>51</sup> Keluarga-keluarga Persian ini bercampur  
dengan keluarga Saiyid ini bila anak perempuan raja  
Persian yang terakhir berkahwin dengan Hussain iaitu  
cucu Nabi Muhammad dan akhirnya menjadi emak Zainul  
Abedin. Kesan politik dari cerita ini menjadikan  
hubungan orang Persian bertambah erat dengan kaum  
keluarga Ali yang berlawanan dengan Khalifah Umayyah  
di Arabia dan Syria.

---

<sup>51</sup> W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, h. 32.



Adalah dipercayai Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan dari Perak bukan hanya merupakan rekod atau kerja seorang pengkaji ( scholar ) Arab tetapi sebenarnya merupakan satu pembukuan atau undang-undang yang dilakukan oleh Saiyid yang tersebut tadi yang berdasarkan tulisannya pada Undang-undang Melaka dan Undang-undang Islam seperti mana yang diajar cara lisan dan diubahsuaikan oleh <sup>c</sup>adat tempatan. 52

J.G.Rigby telah membahagikan undang-undang ini kepada empat bahagian iaitu:-

- Pertama: Undang-undang Am ( public law ).
- Kedua : Tanggong jawab dan hak memilik.  
( proprietary rights ).
- Ketiga: Penghammaan, ilmu sihir dan lain-lain lagi.
- Keempat: Hubungan kekeluargaan.